

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
YB DR. XAVIER JAYAKUMAR  
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**SEMPENA DENGAN  
SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA DAN  
HARI KONSERVASI EKOSISTEM HUTAN PAYA LAUT  
ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN  
TAHUN 2018**

**HUTAN SIMPAN KUALA BERNAM, SUNGAI HAJI DORAINI,  
DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR DARUL EHSAN**

**7 OKTOBER 2018 (AHAD),**

---

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis.

**YB. HEE LOY SIAN,  
PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP ALAM SEKITAR,  
TEKNOLOGI HIJAU, SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI DAN HAL  
EHWAL PENGGUNA MEWAKILI YAB MENTERI BESAR SELANGOR;**

**YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI**  
Timbalan Menteri Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli

**YANG BERTHORMAT TUAN MUSLIMIN YAHYA,**  
Ahli Parlimen Sg. Besar;

**YANG BERBAHAGIA DATO' DR. TAN YEW CHONG,**  
Ketua Setiausaha,  
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli;

**YANG BERTHORMAT DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA,**  
Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Selangor Darul Ehsan;

**HER EXCELLENCY MARIA CASTILLO FERNANDEZ,**  
Duta dan Ketua Delegasi Kesatuan Eropah ke Malaysia;

**YANG BERBAHAGIA DATO' NOR AKHIRRUDIN BIN MAHMUD;**  
Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia,

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,  
Negeri Selangor Darul Ehsan;

Ketua-Ketua Jabatan Peringkat Negeri dan Persekutuan,  
Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri,  
Pengarah-Pengarah Bahagian, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan  
Semenanjung Malaysia.

Dif-dif jemputan dan Wakil-Wakil Media.

**Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan  
yang saya hormati sekalian,**

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Selangor atas kesudian menjadi tuan rumah bagi sambutan Hari Hutan Antarabangsa dan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2018. Penganjuran majlis ini mempamerkan keprihatinan Kerajaan Negeri yang tinggi terhadap usaha pengurusan hutan secara berkekalan. Terima kasih juga atas kehadiran dan sokongan semua yang hadir pada pagi ini.

2. Tahun ini merupakan tahun kedua sambutan peringkat kebangsaan diadakan secara serentak selepas sambutan pada tahun lepas di Terengganu, dengan mengambil kira bahawa hutan paya laut merupakan salah satu daripada tiga jenis hutan utama yang membentuk profil hutan di Malaysia. Tema sambutan iaitu **Hutan untuk Kesejahteraan Masyarakat** atau ***Forests for Community Livelihood*** adalah bertepatan sekali kerana kepentingan hutan sebagai ekosistem yang menjamin kelangsungan hidup dan kesejahteraan masyarakat tetap mendapat tempat sebagai salah satu daripada agenda kehidupan kita pada hari ini.

**Hadirin sekalian,**

3. Hutan merupakan khazanah alam yang amat berharga perlu terus dipelihara dan diuruskan dengan cekap demi kesejahteraan masyarakat sejagat secara berterusan. **Kita harus berbangga kerana dapat mengekalkan 55.2 peratus kawasan berhutan dan ia merupakan satu pencapaian besar buat negara. Tahniah di atas kesungguhan dan kerjasama erat di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam menjayakan agenda besar ini!**

4. Keunikan ekosistem hutan paya laut yang terletak di pesisiran laut yang mengalami air pasang surut serta menjadi habitat penting kepada pelbagai flora dan fauna termasuk hidupan marin memerlukan penjagaan kita bersama. Peranan yang dimainkan oleh ekosistem hutan paya laut amat besar dalam menjaga pesisiran pantai daripada ancaman hakisan arus ombak yang kuat. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Air Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS) yang telah berjaya melaksanakan Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara dengan penglibatan pelbagai agensi lain di bawah NRE (Pada masa itu). **Sejak pelaksanaannya pada tahun 2005, sebanyak 6.6 juta anak pokok telah ditanam di kawasan paya bakau seluas 2,800 hektar di seluruh negara. Program ini bukan hanya melibatkan agensi jabatan malahan juga melibatkan penglibatan pelbagai lapisan masyarakat (orang ramai), NGO, syarikat-syarikat dan pihak individu. Misalnya, penanaman pokok bakau oleh Syarikat Perwira Bintang Holdings Sdn Bhd di Jalan 6, Bagan Sungai Besar pada tahun 2006 yang juga menggunakan tanaman inovatif setelah pembinaan Geotiub (juga**

**dibina oleh syarikat tersebut).** Program ini telah berjaya menghutankan semula kawasan lapang dan dijadikan model untuk pemulihan hutan bakau di persisiran pantai yang berisiko tinggi. Saya berharap program ini dapat diteruskan dan diperkasakan lagi agar ekosistem persisiran pantai terus terpelihara.

**Hadirin sekalian,**

5. Dalam menzahirkan komitmen untuk mengekalkan kawasan berhutan negara, kerajaan akan memastikan khazanah hutan terus dipelihara dan diurus secara mampan supaya dapat menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi, **sejajar dengan Janji 39 Kerajaan Baharu iaitu Mengimbangi Pembangunan Ekonomi dengan Perlindungan Alam Sekitar.** Komitmen ini adalah selari dengan dasar perancangan guna tanah strategik negara yang mengambil kira pelbagai aspek termasuklah pemeliharaan, pengurusan dan pembangunan sumber hutan negara dalam merealisasikan Wawasan 2020.

6. Kerajaan Persekutuan sentiasa memberi perhatian serius tentang pengurusan dan pembangunan hutan negara demi kesejahteraan rakyat dan keseimbangan alam sekitar. **Pada tahun ini, sejumlah RM30.10 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan 16 buah projek berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan di Semenanjung Malaysia.** Antaranya ialah Projek Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot di Semenanjung Malaysia, Projek Pengurusan dan Pembangunan *Central Forest Spine* dan Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara.

7. **Kerajaan Persekutuan akan meneruskan usaha bagi menggalakkan Kerajaan Negeri mewartakan kawasan-kawasan tanah kerajaan dan kawasan-kawasan terosot yang sesuai dijadikan Hutan Simpanan Kekal (HSK) untuk mencapai sasaran 5 juta hektar menjelang tahun 2020.** Ini adalah suatu iltizam bagi memastikan peranan dan fungsi hutan terus kekal bagi dinikmati oleh generasi masa kini dan akan datang.

8. Kita akan terus bekerjasama dengan semua pihak bagi memastikan litupan kawasan berhutan negara dapat dikekalkan dan diurus secara mampan bagi memenuhi komitmen antarabangsa dalam menangani isu alam sekitar dan perhutanan. Program penghijauan kawasan bersama masyarakat, NGO dan agensi kerajaan, seperti yang kita adakan ini merupakan salah satu program kolaboratif dengan aktiviti penanaman beberapa spesies pokok bagi menzahirkan komitmen jitu kerajaan.

**Hadirin sekalian,**

9. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Jawatankuasa Kerja Sambutan yang telah bekerja keras menjayakan sambutan majlis kita pada pagi ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga kepada semua warga perhutanan yang telah bertungkus lumus menguruskan khazanah hutan negara untuk sama-sama kita nikmati manfaatnya. Tanpa anda semua tiadalah khazanah hijau yang bernilai ini untuk dibanggakan!

10. Selamat Menyambut Hari Hutan Antarabangsa dan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2018 kepada seluruh rakyat Malaysia dan semoga kita dapat menyemarakkan lagi semangat menyayangi hutan dalam diri kita.

11. Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan secara serentak Sambutan Hari Hutan Antarabangsa dan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2018.

Sekian, terima kasih.